

Semua pihak diminta akur kenyataan PM

JAM 2 8 JAN 2003

SEREMBAN 27 Jan. — Semua pihak mesti akur dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyerahkan kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menentukan calon yang bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, kenyataan Perdana Menteri itu memperlihatkan keikhlasannya dan ia adalah satu hakikat yang diamalkan dalam UMNO selama ini.

“Dengan itu, semua pihak perlu menerima apa sahaja keputusan yang dibuat oleh Pak Lah (Abdullah Ahmad Badawi) mengenai calon nanti untuk memudahkan Barisan Nasional (BN) menang dalam pilihan raya,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai reaksi kepada kenyataan Dr. Mahathir semalam, ketika ditemui pada majlis penyerahan kunci rumah Taman Gadong Jaya, Labu dekat sini hari ini.

Mohd. Isa menambah, beliau secara peribadi menyambut baik

kenyataan itu dan mahukan semua pihak menerima hakikat tersebut apatah lagi UMNO memang mempunyai ramai pemimpin untuk menjadi calon pada pilihan raya umum.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas mengenai kemungkinan akan mengundur diri selepas menerajui Negeri Sembilan lebih 20 tahun bagi memberi laluan kepada muka baru untuk memegang tampuk pentadbiran negeri.

“Saya tidak mahu komen kerana ia akan ditentukan oleh pucuk pimpinan parti. Begitu juga bagi mereka yang tidak dipilih nanti (sebagai calon) mesti menerimanya dan perlu memberi sokongan padu kepada calon baru yang akan bertanding nanti,” ujarnya.

Menteri Besar menegaskan, mereka yang tidak dipilih perlu membalas jasa parti dengan memberi sokongan kepada calon lain seperti mana mereka mendapat sokongan pada pilihan raya umum tahun 1999.